

Kembara ilmiah ke Sydney



Peserta program *Global Islamic Student Outreach* ke Sydney.

Oleh Mohd Zaini Othman
bhvarsiti@bh.com.my

► Nilai

Seramai 22 ahli Sekretariat Perhubungan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menyertai misi pengembaraan menerusi program *Global Islamic Student Outreach (GISO)* ke Sydney, Australia, baru-baru ini.

Pengembaraan ilmiah itu

bertujuan untuk memberi pendedahan perkongsian ilmu global kepada mahasiswa FPQS selain menimba pengalaman menerusi aktiviti kemasyarakatan.

Pengarah program, Muhammad Solehan Fahmi Zulkapli, berkata kunjungan ke Sydney memperlihatkan kepada mereka perbezaan budaya antara Malaysia dan Australia.

Katanya, perbezaan itu meliputi aspek kebersihan, disiplin, budi bahasa dan kekuatan masyarakat Muslim minoriti di Australia yang berjaya mengembangkan Islam dengan

strategi yang unik, antaranya menerusi penubuhan *United Muslims of Australia (UMA) Brotherhood Gym* bagi menarik masyarakat mendekati Islam.

"Kami turut mendekati golongan gelandangan di sekitar Sydney yang rata-rata bukan penduduk tetap dan juga bukan beragama Islam, serta memberi sumbangan kepada mereka.

Rintis kerjasama

"Semua aktiviti yang dijalankan memberikan pengalaman yang berharga dan tidak dapat dilupakan peserta," katanya.



Sheikh Dr Ibrahim (berdiri) menyampaikan taklimat kepada peserta.



“
KAMI TURUT MENDEKATI GOLONGAN GELANDANGAN SEKITAR SYDNEY YANG RATA-RATA BUKAN PENDUDUK TETAP DAN JUGA BUKAN BERAGAMA ISLAM, SERTA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA MEREKA”

Muhammad Solehan Fahmi Zulkapli,
Pengarah Program

Sementara itu, Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar dan Pengurusan Prestasi FPQS, Prof Madya Dr Mohd Fauzi Mohd Amin, berkata program itu berjaya merintis kerjasama yang baik pada masa hadapan dengan pelbagai pihak selain berkongsi amalan dan pengalaman pendidikan terbaik.

Sepanjang berada di Sydney, peserta berpeluang melakukan kunjungan ke pejabat Mufti Australia, Sheikh Dr Ibrahim Abu Mohammed serta mengadakan dialog berkaitan isu ikhtilaf ulama dalam

fatwa dan syarat seorang mufti.

Lawatan ke UMA dan Al-Fitra Special Need Centre pula membolehkan peserta bertukar idea dan pandangan berkaitan dakwah dan cabarannya, serta projek pengembangan braille al-Quran.

Seterusnya, peserta turut mengunjungi Islamic Science and Research Academy (ISRA) di South Parade Auburn, diikuti perbincangan dua hala bersama dengan pengurus ISRA berkaitan peluang penyelidikan berteraskan Islam.

Peserta membentangkan projek ilmiahnya.